

NAMA ..... TINGKATAN .....

**MODUL PINTAS 2024**  
**TINGKATAN 5**

**1249/1**

**SEJARAH**

**Kertas 1**

**1 jam**

---

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi 12 halaman bercetak.

1249/1

[ Lihat halaman sebelah

1 Berikut merupakan inskripsi Telaga Batu.



Apakah kepentingan inskripsi tersebut?

- A Mengiktiraf pemerintahan beraja
- B Digunakan dalam upacara persetiaan
- C Memperkasa peranan pembesar tempatan
- D Dijadikan sumber rujukan pemerintah

2 Apakah peranan pembesar semasa pemerintahan zaman Kesultanan Melayu Melaka?

- I Memelihara keamanan kawasan
- II Menjaga kebajikan rakyat
- III Meningkatkan taraf ekonomi
- IV Melaksanakan gotong-royong

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

3 Berikut merupakan akhbar yang diterbitkan oleh masyarakat bukan Melayu sebelum merdeka.

*Tamil Nesan*

Apakah matlamat penerbitan akhbar tersebut?

- A Memperjuangkan kepentingan sosiopolitik
- B Menceritakan pergolakan politik negara
- C Mengukuhkan perpaduan antara kaum
- D Mendedahkan penindasan penjajah

4 Tokoh berikut memainkan peranan penting dalam gerakan nasionalisme di Tanah Melayu.



Ibu Zain

Apakah sumbangan beliau?

- A Meningkatkan ekonomi rakyat
  - B Memajukan pendidikan wanita
  - C Merencanakan kegiatan persatuan
  - D Memartabatkan bahasa kebangsaan
- 5 Bagaimanakah kebangkitan Islam pada peringkat antarabangsa mempengaruhi gerakan nasionalisme peringkat awal di Tanah Melayu?
- A Mewujudkan perpaduan antara kaum
  - B Penentangan Tok Janggut terhadap British
  - C Mempertahankan sistem pemerintahan beraja
  - D Penulisan Za'ba menuntut kemerdekaan
- 6 Maklumat berikut berkaitan Gerakan Fi-Sabilillah di Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua.

- Tentera Selempang Merah di Johor
- Khalifah Parang Panjang di Perak

Mengapakah gerakan tersebut ditubuhkan?

- A Menentang Bintang Tiga
- B Membantah Malayan Union
- C Menangkis kekejaman Jepun
- D Memprotes pentadbiran British

- 7 Persidangan Raja-raja Melayu pada April 1946 memutuskan untuk mengemukakan bantahan terhadap Malayan Union melalui Mahkamah Tinggi di England.  
Mengapakah Raja-raja Melayu mengambil keputusan demikian?
- A Memorandum istana diketepikan
  - B Syarat kewarganegaraan terlalu ketat
  - C Persetujuan diperoleh secara tidak sah
  - D Memulaukan pelantikan pegawai pemerintah
- 8 Pada 26 Jun 1946, Syarikat Borneo Utara British (SBUB) menandatangani perjanjian dengan kerajaan British.  
Apakah implikasi perjanjian tersebut terhadap Sabah?
- A Dijadikan tanah jajahan British
  - B Dinaungi sepenuhnya SBUB
  - C Diberi kebebasan mutlak
  - D Diiktiraf negeri berdaulat
- 9 Bagaimanakah kedudukan Singapura selepas Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948?
- A Mempunyai kuasa autonomi tersendiri
  - B Diperakui sebagai wilayah merdeka
  - C Menjadi tanah jajahan yang berasingan
  - D Diiktiraf sebagai negara berdaulat
- 10 Mengapakah Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (JHAK) atau Communities Liaison Committee (CLC) diwujudkan?
- A Meningkatkan taraf hidup rakyat
  - B Membangkitkan kesedaran politik
  - C Memupuk persefahaman kaum
  - D Merangka perlembagaan negara

- 11 Mengapakah Parti Komunis Malaya (PKM) menyasarkan pasukan keselamatan dan menyerang balai polis?
- A Menggugat keselamatan negara
  - B Menjejaskan kehidupan seharian
  - C Menyebabkan kesengsaraan rakyat
  - D Menunjukkan ketidakupayaan kerajaan
- 12 Bagaimanakah kerajaan British menjayakan sistem pendaftaran kebangsaan untuk menghadapi ancaman komunis?
- A Memperkenalkan kad pengenalan
  - B Meneruskan Rancangan Briggs
  - C Menggabungkan parti politik
  - D Membentuk Kampung Baru
- 13 Berikut merupakan moto Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum atau Communities Liaison Committee (CLC).

“Kesamaan dan Keadilan untuk Penduduk Tanah Melayu”

Bagaimanakah moto tersebut dapat dicapai?

- I Mengiktiraf hak yang sama kepada semua kaum
  - II Mewajibkan penggunaan bahasa yang sama
  - III Mencadangkan sistem pendidikan seragam
  - IV Memberi pengalaman pilihan raya secara berperingkat
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 14 Bagaimanakah Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956 dapat memupuk integrasi dan perpaduan dalam kalangan rakyat berbilang kaum?
- A Menggunakan bahasa Inggeris di sekolah rendah
  - B Mempunyai kandungan kurikulum yang seragam
  - C Menjadikan sekolah vernakular berorientasikan tempatan
  - D Mempertingkatkan pengajaran bahasa Melayu di sekolah

- 15 Diolog berikut berkaitan dengan calon Pilihan Raya 1955.



Apakah syarat lain yang diperlukan oleh calon tersebut?

- A Memiliki pendidikan
  - B Merupakan ahli parti
  - C Mematuhi undang-undang
  - D Menguasai bahasa Melayu
- 16 Apakah peranan Dato' Abdul Razak Hussein dalam barisan kabinet pertama negara?
- A Memajukan sistem pendidikan
  - B Meningkatkan kemudahan kesihatan
  - C Memodenkan aset pertahanan
  - D Memantapkan perkhidmatan awam
- 17 Apakah asas pembentukan perlembagaan ke arah berkerajaan sendiri?
- A Pelantikan Jemaah Menteri
  - B Pilihan Raya Umum 1955
  - C Pembentukan Kabinet Pertama
  - D Penubuhan Majlis Gerakan Negara
- 18 Mengapakah rakyat keturunan Melayu berhak memperoleh kedudukan istimewa di Tanah Melayu?
- A Jumlah yang ramai
  - B Berkeperibadian tinggi
  - C Mahir berbahasa kebangsaan
  - D Penduduk asal

19 Mengapakah lambang negara berikut dicipta oleh kerajaan Persekutuan?

- Negaraku
- Jata Negara
- Bendera Kebangsaan

- A Menonjolkan identiti negara
- B Melambangkan kejayaan rakyat
- C Simbol kewibawaan pemimpin
- D Sokongan menyambut kemerdekaan

20 Prinsip kedaulatan yang diperolehi melalui perjuangan yang berlaku perlu dikekalkan. Apakah maksud prinsip tersebut?

- A Sahsiah mulia
- B Perpaduan kukuh
- C Bebas bersuara
- D Kuasa tertinggi

21 Tokoh berikut memberikan takrifan kedaulatan.

- Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj
- Tun Dr. Mohamed Salleh Abas

Apakah persamaan takrifan kedaulatan berdasarkan tokoh tersebut?

- A Keadilan
- B Kebebasan
- C Kewibawaan
- D Kesejahteraan

22 Mengapakah Deklarasi Hubungan Persahabatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) 1970 diperkenalkan?

- A Mendaulatkan konsep keluhuran **perlembagaan**
- B Mengesahkan prinsip persamaan **kedaulatan**
- C Memperkukuh kewibawaan pemerintah
- D Memperkasakan semangat setia kawan

- 23 Badan manakah yang bertanggungjawab menggubal undang-undang di Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu?
- A Majlis Negeri
  - B Majlis Raja-Raja
  - C Majlis Persekutuan
  - D Majlis Undangan Negeri

- 24 Maklumat berikut merujuk kepada Perlembagaan Persekutuan.

Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj membawa usul pindaan perlembagaan yang dinamakan pindaan Singapura di Parlimen pada 7 Ogos 1965.

Apakah perkara yang dimansuhkan dalam Perlembagaan Malaysia (pindaan 1965)?

- I Imigresen
  - II Undang-undang
  - III Pentadbiran keadilan
  - IV Hubungan luar negara
- A I dan II                                  B I dan IV  
C II dan III                                D III dan IV
- 25 Mengapakah Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja perlu menyertai persidangan Majlis Raja-Raja?
- A Memeterai keputusan persidangan
  - B Mempersetujui pindaan perlembagaan
  - C Membincangkan hal ehwal pentadbiran
  - D Mengesahkan undang-undang persekutuan
- 26 Apakah peranan Yang di-Pertuan Agong dalam bidang kuasa eksekutif?
- I Memanggil parlimen bersidang
  - II Ketua Agama Islam negeri
  - III Melantik Jemaah Menteri
  - IV Menerima menghadap diplomat asing
- A I dan II                                  B I dan IV  
C II dan III                                D III dan IV



- 27 Mengapakah Majlis Mesyuarat Persekutuan distrukturkan semula pada tahun 1927?
- A Menambah kuasa Raja Melayu
  - B Menyatukan pentadbiran negeri
  - C Mengukuhkan kedudukan British
  - D Menyelesaikan masalah kewangan
- 28 Agensi berikut ditubuhkan hasil kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

- Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA)
- Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH)

Apakah kerjasama tersebut?

- A Pembangunan Koridor Wilayah
  - B Pengurusan Taman Negara
  - C Pembangunan wilayah
  - D Pembangunan tanah
- 29 Mengapakah Sir Geofroy Tory mencadangkan penyatuan Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura?
- A Mengimbangi komposisi penduduk
  - B Melemahkan parti berhaluan kiri
  - C Membentuk kerjasama ekonomi
  - D Menjamin keselamatan wilayah
- 30 Siapakah yang mewakili Kerajaan Persekutuan semasa pengisytiharan Malaysia di Sabah?
- A Datu Abang Haji Openg Abang Sapiee
  - B Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj
  - C Datu Mustapha Datu Harun
  - D Tun Abdul Razak Hussein
- 31 Mengapakah rusuhan kaum berlaku di Singapura pada 21 Julai 1964?
- A Tekanan sosioekonomi
  - B Tuntutan persamaan hak
  - C Perebutan kuasa pentadbiran
  - D Provokasi semasa berkempen

32 Antara isu pembangunan ekonomi dalam Rancangan Malaysia Pertama ialah terlalu bergantung kepada eksport getah dan bijih timah.

Bagaimanakah kerajaan mengatasi isu tersebut?

- A Menjalankan dasar penswastaan
- B Mempergiat aktiviti penyelidikan
- C Menarik kemasukan pelabur asing
- D Mempelbagaikan keluaran komoditi

33 Maklumat berikut berkaitan Dasar Pendidikan Kebangsaan.

- Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR)
- Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM)

Apakah dasar tersebut?

- A Laporan Jawatankuasa Kabinet
- B Kajian Aminuddin Baki
- C Laporan Rahman Talib
- D Penyata Razak

34 Rukun Negara mengandungi norma sosial yang mencakupi seluruh aspek kehidupan bernegara. Apakah norma sosial tersebut?

- I Kesihatan
  - II Agama
  - III Budaya
  - IV Pendidikan
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV

35 Agensi berikut ditubuhkan oleh kerajaan.



Bagaimanakah agensi tersebut membantu pekebun kecil?

- A Pelibatan dalam kegiatan koperasi
  - B Penyelidikan hasil pertanian
  - C Pemberian khidmat nasihat
  - D Penentuan harga barangan
- 36 Bagaimanakah kerajaan menyusun semula masyarakat melalui pembentukan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB)?
- A Memberi latihan pengurusan harta
  - B Menyusun semula modal saham
  - C Meneruskan pemberian subsidi
  - D Menyebarkan industri terpilih
- 37 Malaysia memberi sumbangan besar dalam menjayakan misi pengaman anjuran Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di negara yang berkonflik. Apakah tugas pasukan pengaman tersebut?
- A Memberi latihan teknikal
  - B Menukar kerajaan sedia ada
  - C Mengawasi gencatan senjata
  - D Menjadi penterjemah bahasa

- 38 Mengapakah Malaysia menandatangani Perisytiharan Lusaka pada tahun 1970?
- A Menjaga hak asasi manusia
  - B Menolak pencerobohan sempadan
  - C Membantah penggunaan kuasa veto
  - D Mendesak pengharaman senjata nuklear
- 39 Apakah isu global yang dihadapi oleh Malaysia?
- I Pemerdagangan orang
  - II Kelestarian alam sekitar
  - III Pemalsuan mata wang
  - IV Kempen antiminyak sawit
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 40 Maklumat berikut berkaitan persidangan alam sekitar yang dihadiri Malaysia.

- Protokol Kyoto 1997
- Persidangan alam sekitar di Bali

Apakah persetujuan yang dicapai melalui persidangan tersebut?

- A Mengutamakan kegiatan agropelancongan
- B Menggalakkan penggunaan tenaga baharu
- C Menggalakkan produk teknologi hijau
- D Mencegah kebakaran di tanah gambut

**KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT**